

JPS naik taraf kunci air elak banjir kilat

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Klang sedang menaik taraf kunci air 51, di Jalan Papan, Pandamaran bagi mengatasi masalah banjir kilat di kawasan itu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Peneroka Bandar, Iskandar Abdul Samad, berkata ia antara langkah bagi menyelesaikan masalah banjir kilat sekali gus memastikan kerosakan harta benda dapat dielakkan.

“Ada parit konkrit di Lorong Chinniah yang di selenggara oleh pihak majlis perbandaran dan masalah banjir yang berlaku di kawasan itu juga dipengaruhi oleh pengawalan dan kapasiti kunci air 51 yang terletak di hilir kawasan ini,”

katanya ketika menjawab pertanyaan mulut Tan Pok Shyong (DAP-Pandamaran).

Pok Shyong ingin tahu apakah langkah yang diambil bagi mengatasi masalah banjir kilat yang melanda kawasan Pandamaran pada 3 dan 5 September 2013, sehingga mengakibatkan 557 keluarga.



FAKTA NOMBOR

RM112 juta

peruntukan rancangan tebatan banjir kawasan tadahan Sg Aur

Pelaksanaan kerja berperingkat, peruntukan

Iskandar berkata, kerajaan negeri turut melaksanakan pembangunan pembinaan perparitan atau sistem kawalan banjir berdasarkan kepada Pelan Induk Pengurusan Aliran Ribut dan Kajian Perparitan Klang yang disediakan pada 2009.

“Merujuk kepada pelan induk ini, kawasan Pandamaran juga adalah sebahagian kawasan tadahan di mana ia terletak di dalam kawasan tadahan Sungai Aur dengan perancangan yang sudah dicadangkan seperti membina parit konkrit serta komponennya.

“Pelaksanaan kerja akan dilakukan secara berperingkat

mengikut keutamaan dan juga berdasarkan kepada peruntukan yang diluluskan. Jumlah peruntukan yang diperlukan bagi rancangan tebatan banjir kawasan tadahan Sg Aur adalah sebanyak RM112 juta, berbanding dengan kos keseluruhan kawasan Klang berjumlah RM1.4 billion,” katanya.

Katanya, pendekatan jangka pendek lain ialah dengan menjalankan kerja penyelenggaraan dan pembersihan secara berkala terhadap sistem perparitan, kolam takungan serta rumah pam sedia ada.

“Agensi bertanggungjawab juga akan membuat kerja baik pulih terhadap perparitan sedia ada bagi melancarkan aliran air,” katanya.